

**26/03/2014 - Majlis Perasmian Kursus Kadet Pegawai Tadbir Dan  
Diplomatik**

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
“1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

Yang Dihormati Saudara dan Saudari Pengacara Majlis

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia

YBhg. Tan Sri Mahmood Adam  
Pengerusi  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia  
YBhg Tan Sri Hj. Shukry bin Hj Mohd Salleh  
Ketua Pengarah  
Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)

YBhg. Dato' Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad  
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan),

YBhg. Dato' Seri Zainal Rahim Seman  
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi),

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato' Sri/ Ketua – Ketua Setiausaha Kementerian

YBhg. Dato' Dr. Mazlan Yusoff  
Pengarah INTAN,

Pegawai-pegawai Kanan JPA dan INTAN,

Wakil-wakil Jabatan/Agensi yang terlibat dengan pelaksanaan modul bagi Kursus Kadet Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Bil. 1 Tahun 2014,

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan seterusnya,

Saudara dan Saudari para peserta Kursus Kadet Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Bil. 1 Tahun 2014 sekalian.

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, kita dapat bertemu dalam Majlis pada petang ini.
2. Tanggal 26 Mei 2013 yang lalu, satu tinta emas telah tercatat dalam lembaran sejarah Perkhidmatan Awam dan Perkhidmatan PTD. Setelah hampir 21 tahun Kursus Kadet PTD ini tidak diadakan, maka pada tarikh keramat tersebut, kita telah melaksanakan semula Kursus Kadet PTD bagi melahirkan pemimpin muda masa hadapan yang kompeten, unggul dan menjadi penyambung warisan bagi memacu Perkhidmatan Awam ke persada dunia.

Saudara dan Saudari sekalian,

3. Saya percaya bahawa hari ini merupakan hari yang begitu bersejarah buat saudara dan saudari, kerana berjaya dipilih untuk mengikuti Kursus Kadet PTD selama satu tahun secara sepenuh masa di INTAN Bukit Kiara. Sepanjang tempoh tersebut, saudara dan saudari seramai 148 orang akan melalui pelbagai cabaran pahit dan manis Kursus Diploma Pengurusan Awam (DPA) di INTAN selama 7 bulan. Setelah itu, saudara dan saudari akan diberi peluang untuk mengikuti Diploma Pasca-Siswazah Pentadbiran Awam di Universiti Malaya selama 5 bulan.
4. Pelaksanaan Kursus Kadet PTD bermula dari siri 1 telah diubah suai dengan mengambil kira pemantapan lima (5) elemen utama iaitu Sahsiah (Attitude), Kemahiran (Skill), Pengetahuan (Knowledge), Kebolehsesuaian (Adaptability) dan Daya Tahan (Resilience). Apa yang saudara dan saudari akan lalui dalam masa setahun ini adalah merupakan sebuah ujian kemandapan *Intelligence*, *Emotional* dan *Spiritual Quotient* yang dimiliki, sebelum

dipilih untuk memasuki Perkhidmatan Awam negara sebagai seorang Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD).

## **TRANSFORMASI MINDA PEMIMPIN MUDA PERKHIDMATAN AWAM: AGEN PEMACU TRANSFORMASI**

5. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebut bahawa keadaan dunia tanpa sempadan dan cabaran ekonomi global yang tidak menentu menyebelahi negara-negara yang berani dan berusaha melakukan transformasi *monumental*. Kerajaan telah bertindak secara strategik dengan merangka dan melaksanakan agenda transformasi yang holistik serta meletakkan kehendak rakyat sebagai titik tumpuan agenda tersebut. Empat program di bawah Agenda Transformasi Negara adalah merangkumi Transformasi Kerajaan, Ekonomi, Sosial dan juga Politik.
6. Transformasi yang bersifat struktural atau hanya kepada sistem dan proses tidak mampu membawa kepada kemajuan secara lestari. Yang lebih penting adalah perubahan proses pemikiran atau *thought processes* kita, yang membolehkan kita menilai dan mengadaptasikan pendekatan baru dalam membantu kita berhadapan dengan pelbagai cabaran pada masa kini dan akan datang. Sejarah telah memperlihatkan bagaimana perubahan struktur institusi-institusi ekonomi yang menawarkan insentif kepada rakyat untuk bekerja, melabur dan melakukan inovasi, telah berjaya membawa kepada kemajuan sesebuah negara. *The Industrial Revolution* di England pada abad ke-18, *Meiji Restoration* di Jepun pada pertengahan abad ke-19 dan perubahan hala tuju ekonomi negara China pada tahun 1970-an yang mendukung sistem kapitalisme walaupun bertentangan dengan ideologi komunis, merupakan antara contoh bagaimana pemikiran secara terbuka oleh pemimpin pada masa itu dapat membawa kepada pemodenan negara terbabit.
7. Kejayaan negara menduduki tempat ke-6 dalam World Bank Doing Business Report 2014 merupakan manifestasi agenda transformasi negara khususnya dalam bidang sektor perkhidmatan awam. Namun demikian, persaingan globalisasi dan liberalisasi pasaran sentiasa memberikan cabaran terhadap prestasi daya saing negara kita. Kompleksiti dunia telah mencetuskan ketidaktentuan persekitaran dan membawa bersama perubahan yang di luar kawalan. Menurut Charles Handy dalam bukunya *The Age of Unreason* (2002), kita tidak akan bertahan sekiranya gagal menyesuaikan diri dengan segera terhadap perubahan yang berlaku di sekeliling. Keadaan ini memaksa kita untuk melihat semula peranan, strategi, program dan aktiviti sedia ada secara berterusan. Kita perlu meningkatkan pengetahuan,

memperkasa kemahiran modal insan dan menjajarkan kepelbagaian bakat untuk terus kekal bersaing dalam arena global.

8. Tidak lama lagi, anda semua akan mula berkhidmat dan memulakan tugas sebagai seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik di kementerian, jabatan atau agensi di seluruh negara. Di sebalik jawatan ini, saya melihat pengorbanan dan kejayaan seorang anak petani, nelayan, peneroka, pemandu teksi, usahawan mahupun profesional yang akan mula melangkah ke dalam dunia perkhidmatan awam. Saya percaya anda semua mempunyai pelbagai harapan, cita-cita dan semangat yang tinggi dalam mengemudi bahtera sebagai seorang penjawat awam. Ada dikalangan saudara saudari sekalian yang telah pun mempunyai pengalaman kerja sebelum ini. Walau apapun pengalaman yang dimiliki, yang pentingnya adalah kita sanggup untuk menerima pandangan secara terbuka dan mengubah cara pemikiran kita dalam memenuhi ekspektasi *stakeholders*.
9. Jelaslah bahawa saudara dan saudari perlu sama-sama mendukung dan melaksanakan Dasar Transformasi Negara ke arah merealisasikan hasrat Malaysia sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020. Dengan kata lain, kita telah diberi tanggungjawab yang mulia dan kepercayaan untuk menjadi *pacesetters* dan *change agents* bagi memajukan negara ini. Hasrat ini selaras dengan pesanan YAB Perdana Menteri sewaktu Majlis Perdana Perkhidmatan Awam (MAPP) Ketiga Belas pada 11 Mac 2013, di mana beliau menyifatkan penjawat awam sebagai “agen transformasi paling hadapan dalam perantaraan di antara rakyat dan Kerajaan.” Meskipun demikian, transformasi yang dilaungkan ini tidak akan dapat diterjemahkan dengan hanya berkata-kata tanpa diiringi usaha.

## **MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM**

Saudara dan Saudari sekalian,

10. Semenjak diberi kepercayaan untuk menerajui pimpinan Perkhidmatan Awam, sebagai Ketua Setiausaha Negara, saya telah memperkenalkan konsep “Merakyatkan Perkhidmatan Awam”. Ia merupakan pendekatan yang berasaskan kepada enam prinsip iaitu:
  - a. Insaniah;
  - b. Keterbukaan
  - c. Turun Padang;
  - d. Kekitaan;

- e. Musyawarah; dan
  - f. Kerjasama Awam-Swasta-Badan Bukan Kerajaan (NGO).
11. Rakyat kini adalah lebih berpengetahuan, berpengalaman dan mempunyai ekspektasi tinggi terhadap perkhidmatan awam yang diterima oleh mereka. Harapan adalah diletakkan ke atas penjawat awam untuk menyelami dan memahami masalah mereka. Oleh yang demikian, saya suka menggalakkan pegawai kerajaan untuk mengamalkan lawatan 'turun padang' dengan kerap dan mengadakan musyawarah (engagement) agar dapat mendengar pandangan dan pendapat, menyelami permasalahan serta mendapat maklum balas bukan sahaja daripada pelanggan kita malah daripada warga kerja masing-masing. Ia juga bertujuan untuk melihat dengan mata sendiri keadaan para penjawat awam ketika mereka sedang bertugas.
12. Saya juga menyarankan penjawat awam supaya lebih peka dan mendekati denyut nadi rakyat dengan mengambil langkah proaktif untuk turun padang dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat. Melalui program yang saya namakan Program Jejak Mesra Perkhidmatan Awam (Search and Assist), penjawat awam perlu bersikap proaktif untuk mengenal pasti golongan sasaran atau *target group* yang boleh diberikan perkhidmatan secara langsung tanpa perlu menunggu untuk rakyat datang kepada kita. Saya berharap perkara ini dapat dibudayakan apabila saudara dan saudari berkhidmat nanti.

## **PEMBANGUNAN MODAL INSAN – MENJUARAI PERSAINGAN**

Saudara dan Saudari,

13. Junjungan besar kita, Rasulullah S.A.W. bersabda, "Sebaik-baik manusia di antara kamu adalah yang paling banyak manfaatnya bagi orang lain" (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim). Sebarang perbincangan mengenai kebolehan dan kecekapan Perkhidmatan Awam pada hakikatnya sering kembali kepada persoalan mengenai kualiti modal insan yang menganggotainya. Modal insan merupakan aset utama bagi memastikan keberkesanan dan kejayaan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Menerusi lensa persaingan global, modal insan yang memiliki bakat terbaik, kemahiran dan keupayaan bertindak di luar kebiasaan akan menjadi pilihan dan rebutan.
14. YAB Perdana Menteri sewaktu menyampaikan amanat dalam Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri pada 3 Mac 2014, telah menekankan kepada aspek pembangunan bakat melalui 'self improvement' dan 'self development'. Kedua-duanya berkait rapat dengan penguasaan dan penggunaan ilmu. Modal insan yang berjaya menguasai kepelbagaian ilmu pengetahuan dan

mengaplikasikannya dengan berkesan untuk tujuan kemajuan, akan menjadi berjaya dalam era yang dipenuhi persaingan sengit.

15. Sebuah kajian bertajuk 'Human Resource, Learning and Leadership: Our Ten Predictions for 2014' telah merumuskan bahawa kecekapan organisasi tidak lagi diukur daripada segi keberkesanan pentadbiran tetapi kemampuan untuk mencari, membangun, mengekal dan menguruskan bakat. Oleh yang demikian, persaingan organisasi adalah ke arah mencari bakat terbaik dari serata dunia dalam mendepani cabaran globalisasi. Dalam konteks ini, pihak Kerajaan juga kini sedang mengenalpasti para pegawai muda yang mempunyai potensi dan mempamerkan prestasi yang memberangsangkan dalam perkhidmatan untuk diberikan tanggungjawab dalam pengurusan pertengahan dan tinggi. Mereka ini akan mempunyai laluan kerjaya *fast track* tertakluk kepada penilaian prestasi.
16. Justeru itu, antara fokus utama yang perlu diberikan perhatian dalam menarik, mengekal dan membangunkan Pegawai PTD muda adalah pelestarian bakat, pemerksaan kemahiran dan penggilapan keupayaan bakat yang luar biasa. Kita mahukan pegawai yang berani mencipta sesuatu yang baru, pegawai yang berfikir di luar kotak dan mengaplikasikan pendekatan *Blue Ocean*, keluar dari zon selesa dan sanggup memikul tanggungjawab yang diberikan. Saya penuh percaya bahawa saudara dan saudari yang berada di hadapan saya ini adalah bakat terbaik dan pilihan tepat untuk memacu perkhidmatan awam menjuarai persaingan global di masa hadapan.

## **KESANTUNAN MENGGUNAKAN MEDIA SOSIAL SEBAGAI WADAH KOMUNIKASI**

17. Untuk makluman, saya telah menyarankan semua ketua-ketua setiausaha kementerian dan ketua-ketua jabatan untuk mewujudkan akaun Facebook dan Twitter masing-masing. Ini merupakan salah satu pendekatan untuk kita berinteraksi dan mendapatkan maklumbalas daripada rakyat dalam membantu kita menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan awam. Pada masa yang sama, warga kerja dapat mengemukakan maklum balas terus kepada ketua jabatan tanpa ada batasan protokol yang menjadi amalan sebelum ini.
18. Saya yakin saudara-saudari sekalian lebih bijak dalam menggunakan media sosial sebagai wadah komunikasi. Kebijaksanaan ini perlulah diiringi dengan sikap yang profesional dan mengutamakan tatasusila dalam perhubungan sesama manusia. Kita harus beringat bahawa setiap komentar, maklum balas, pandangan

mahupun gambar yang dimuat naik akan menjadi kayu ukur kepada orang lain dalam menilai diri kita sebagai seorang penjawat awam. Sesungguhnya, janganlah kita mudah terpengaruh dan mudah merumuskan sesuatu perkara tanpa sebarang kesahihan atau usul periksa. Ini bukan sahaja tidak membawa faedah kepada mana-mana pihak yang terlibat, malah akan menjejaskan imej dan mencemarkan nama baik perkhidmatan awam dikaca mata umum.

## **MEMECAH TEMBOK KEMUSTAHILAN DAN MERINTIS KEJAYAAN BERSAMA**

Saudara dan Saudari sekalian,

19. “If you can dream it, you can do it”. Itulah antara ungkapan yang pernah disebutkan oleh lagenda Walt Disney. Walt Disney, seperti yang dikenali merupakan pengasas siri kartun dan taman tema Disneyland yang terkenal di seluruh di dunia. Kejayaan beliau berpaksikan kepada sifat yakin kepada idea sendiri, berani mencuba sesuatu yang baru dan kreatif, sentiasa berusaha, dan percaya kepada kebolehan sendiri.
20. Saya juga ingin mengajak kita semua untuk melebarkan horizon pemikiran dan menampilkan kreativiti yang memberi nilai tambah kepada pendekatan semasa. Justeru itu, saudara dan saudari perlulah mengubah mentaliti daripada berfikir secara konservatif kepada berfikir di luar kebiasaan dengan memecah tembok kemustahilan dan meminggirkan mentaliti *silo*. “The only way to discover the limits of the possible is to go beyond them into the impossible.”
21. Tembok penghalang ini dapat dilepasi sekiranya saudara dan saudari berani untuk mencuba sesuatu yang baru dengan memasukkan elemen kreativiti dan inovasi. Saya amat berharap kebolehan dan keupayaan ini dapat terus dibudayakan dan menjadi satu norma ketika menjalankan tugas harian; “*that creativity and innovation becomes the norm instead of the exception*”. Jika itu dapat dilakukan, saya percaya Perkhidmatan Awam kita akan semakin cemerlang.
22. Saya percaya ramai di antara anda semua merupakan Generasi Y yang mempunyai sikap yang kompetitif, berfikiran jauh dan berdaya saing yang tinggi. Ini adalah amat berbeza sama sekali dengan generasi sebelum ini yang mempunyai nilai dan aspirasi yang berlainan. Walaupun terdapat perbezaan seumpama ini, kita

seharusnya berupaya untuk merapatkan jurang generasi “*generational gap*” dalam menggalas tanggungjawab kita.

## **PENUTUP**

23. Mengambil kesempatan pada petang ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada INTAN dan pegawai-pegawainya yang saban tahun tanpa jemu dan penuh dedikasi melatih, mendidik dan membentuk kecemerlangan modal insan Pegawai PTD Muda melalui Kursus Kadet ini.
24. Tidak lupa juga, ucapan terima kasih ini dirakamkan kepada agensi-agensi awam yang menjadi rakan strategik INTAN. Mereka ini akan terlibat dalam memberikan latihan dan tunjuk ajar kepada para peserta Kursus Kadet PTD pada kali ini melalui modul-modul yang telah dibangunkan.
25. Harapan serta pesanan saya ialah semoga saudara dan saudari dapat meneruskan kecemerlangan Perkhidmatan Awam kerana anda semua adalah penyambung sebuah warisan perkhidmatan yang gemilang.
26. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Kursus Kadet Pegawai Tadbir dan Diplomatik Bil.1 Tahun 2014.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warohmatullahi Wabarokatuh.  
Terima kasih.